

28 DEC 2002

Mahkamah-Buniamin

KES BUNIYAMIN YANG DIDAKWA FITNAH DR MAHATHIR DITANGGUH KE APRIL

KOTA BAHARU, 28 Dis (Bernama) -- Mahkamah Sesyen di sini hari ini menangguhkan perbicaraan kes Pegawai Penerangan PAS Kelantan Buniamin Yaacob yang didakwa memfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila tertuduh gagal hadir di mahkamah kerana uzur.

Hakim Azman Abdullah menetapkan 8 hingga 10 April depan sebagai tarikh baru perbicaraan.

Perbicaraan kes itu sepatutnya berlangsung selama tiga hari mulai hari ini selepas ditangguhkan pada 5 Nov lepas apabila Buniamin yang hadir di mahkamah pada tarikh berkenaan (5 Nov) didapati uzur semasa perbicaraan sedang berlangsung.

Hari ini kesihatan Buniamin dilaporkan kurang stabil dan perlu mendapatkan rawatan di Hospital Kota Baharu (HKB).

Buniamin, 56, didakwa memfitnah Dr Mahathir bahawa Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucunya, semasa berceramah di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan di sini, antara pukul 10 malam dan 11.30 malam pada 15 Mac lepas.

Beliau didakwa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tohmahan tersebut akan merosakan nama baik Dr Mahathir.

Buniamin yang juga bekas anggota Parlimen Bachok didakwa mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Semasa perbicaraan bermula hari ini, peguam pemerhati bagi PAS Kelantan Wan Tarik Wan Mohamad dari Tetuan Wan Jawahir meminta mahkamah menetapkan tarikh baru perbicaraan berikutan tertuduh perlu menjalani rawatan berjadual haemodilisis buah pinggang di HKB hari ini.

Wan Tarik berkata surat permohonan penangguhan bertarikh 27 Dis yang turut mengandungi pengesahan doktor HKB mengenai keadaan kesihatan tertuduh dibuat oleh Tetuan Karpal Singh & Co iaitu peguam Buniamin serta telah diedarkan kepada pihak yang terbabit dalam perbicaraan itu semalam.

Timbalan Pendakwa Raya Nordin Hassan bersetuju supaya ditetapkan tarikh baru perbicaraan berikutan perkembangan itu.

Beliau bagaimanapun meminta supaya pihak peguam memaklumkan lebih awal sebarang permohonan penangguhan kerana permohonan hari ini dibuat di saat akhir apabila pihak pendakwa hanya diberikan salinan surat itu melalui faksimili manakala saksi-saksi kes itu yang kebanyakannya dari luar Kelantan, gagal dimaklumkan dan turut hadir di mahkamah.

Hakim Azman turut menegur peguam kerana gagal memaklumkan kepada mahkamah semasa perbicaraan ditangguhkan pada 5 Nov lepas bagi penetapan tarikh baru, bahawa tertuduh tidak boleh hadir ke mahkamah pada Isnin dan Sabtu setiap minggu kerana perlu menjalani rawatan haemodilisis di HKB.

Beliau juga meminta peguam memaklumkan secara bertulis sekiranya tarikh baru perbicaraan itu juga tidak sesuai.

Mahkamah juga mengarahkan ikat jamin Buniamin sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin, dilanjutkan.

Nordin turut dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya Azmi Ariffin dan Dzulkifli Ahmad.

Peguam tertuduh Karpal Singh tidak hadir.

Sebelum mahkamah ditangguhkan pada 5 Nov lepas, tiga saksi telah memberikan keterangan masing-masing.

-- BERNAMA

RAR LAT

